

TARIKH	21 JULAI 2025 (ISNIN)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	PENJAWAT AWAM JANGAN SERTAI PERHIMPUNAN		
M/S	4 (DALAM NEGERI)	KATA KUNCI	CIVIL SERVICE
BIDANG	CIVIL SERVICE		



SHAMSUL Azri Abu Bakar bergambar bersama sekretariat Karnival Sukan Ansara 2025 di Putrajaya, semalam.

Penjawat awam jangan sertai himpunan

PUTRAJAYA: Penjawat awam di seluruh negara diingatkan supaya tidak menyertai himpunan dianjurkan pihak pembangkang yang dijadualkan 26 Julai ini.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar berkata, penjawat awam perlu patuh dengan ikrar yang telah termaktub dalam Rukun Negara.

“Mana boleh turun, mereka penjawat awam sebab setiap hari, setiap minggu kita baca ikrar (Rukun Negara) itu.

“(Salah satu prinsip Rukun

Negara) Kesetiaan kepada raja dan negara, lupa ke? Taat setia adalah kita kepada raja dan negara,” katanya ketika ditemui selepas melancarkan Karnival Sukan Ansara 2025, di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya saranan kepada penjawat awam yang mahu menyertai himpunan itu.

Media sebelum ini melaporkan, Himpunan Turun Anwar yang dianjurkan Perikatan Nasional (PN) dijangka berlangsung di Dataran Merdeka, Kuala

Lumpur pada 26 Julai ini.

Difahamkan, lebih 300,000 orang akan hadir pada himpunan itu dari seluruh negara.

Sebelum ini, Pemangku Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mohamed Usuf Jan Mohamad dilaporkan berkata, pihaknya menjangkakan antara 10,000 hingga 15,000 orang akan menyertai himpunan itu.

Katanya, pihak penganjur sudah membuat pemakluman mengenai himpunan itu kepada pihak Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi.

**DISEDIAKAN
OLEH**

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM